

BERITA HARIAN

DATE: 29/1/2010

GTP kurangkan jenayah

Program wujudkan persekitaran selamat: Hishammuddin



KUALA LUMPUR: Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein yakin pelbagai langkah kerajaan bagi mengurangkan jenayah menerusi Program Transformasi Kerajaan (GTP) dapat mewujudkan persekitaran

selamat demi kesejahteraan hidup rakyat.

Beliau berkata, sama ada orang ramai akan berasakan diri mereka selamat bergantung kepada pelaksanaan pelbagai langkah yang sudah ditetapkan dalam GTP.

"Ia sebenarnya satu isu mengenai keutamaan apa yang kita boleh buat. Jika kita memberi fokus kepada keutamaan ditetapkan itu, saya yakin kita boleh mencapai sasaran ditetapkan," katanya yang dipertanggungjawabkan untuk Bidang Keberha-

silan Utama Negara (NKRA) membanteras jenayah.

Hishammuddin berkata, pelaksanaan langkah ditetapkan GTP terbukti berkesan apabila kadar jenayah jalaran menurun menerusi tindakan kerajaan menambah 4,000 anggota polis bagi meningkatkan kawalan di kawasan dikenal pasti berlaku kadar jenayah tinggi.

"Daripada langkah sudah dilaksanakan itu, kita sudah nampak keberhasilan apabila peratus kadar jenayah jalaran menurun 6.7 peratus

pada suku keempat 2009 berbanding suku kedua 2009 ketika GTP baru saja bermula," katanya.

Beliau turut berharap orang ramai memberi kerjasama dan bukannya mengharapkan kepada anggota penguat kuasa dalam membanteras jenayah.

"Rakyat sendiri yang akan menilai sejauh mana KPI mampu dicapai untuk mewujudkan kerajaan yang telus dalam setiap perkara yang dirancang dan dilakukan," katanya.